

**MALAYSIA**  
**DEWAN NEGARA**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA**

<http://www.parlimen.gov.my>

**HARI RABU, 2 MEI 2012, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 6**

---

**MENGANGKAT SUMPAH**

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. PN-1251-L14371  
**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan perbandingan penggunaan sumber-sumber Kementerian dari segi bilangan projek (program) yang berorientasikan belia berbanding dengan yang "berorientasikan sukan" di Kementerian berkenaan sepanjang empat tahun yang lalu. Sehubungan itu minta juga diberikan perbandingan sumber tenaga pentadbiran/profesional serta perbandingan kadar bajet/pembentukan untuk kemajuan/pembangunan belia dan sukan.
2. PN-1251-L14637  
**Tuan Baharudin bin Abu Bakar** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah usaha-usaha strategik yang dilakukan oleh Kementerian dalam membawa usahawan-usahawan IKS ke peringkat antarabangsa.
3. PN-1251-L14472  
**Dato' Jaspal Singh** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan keterangan mengenai dana RM2 bilion mengikut skim "*SME Financing Fund*" dengan kadar faedah 2 peratus (*profit rate*) yang telah diumumkan dalam Bajet 2012 dan berapa banyak bank-bank yang menyertai dan syarikat-syarikat yang telah memohon. Apakah kriteria untuk mendapat pinjaman ini, jaminan yang diberikan oleh Kerajaan dan setakat ini nyatakan jumlah syarikat yang telah berjaya mendapat pinjaman ini terutamanya syarikat-syarikat India.
4. PN-1251-L13987  
**Datuk Chin Su Phin** minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan apakah langkah-langkah terbaru pihak Kementerian dalam membendung aktiviti penipuan perniagaan berasaskan internet yang semakin menjadi-jadi dan adakah pihak Kementerian bercadang mewajibkan para peniaga di internet mendaftarkan perniagaan mereka di Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

5. PN-1251-L14666  
**Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan keputusan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun 2011 baru-baru ini menunjukkan banyak jurang perbezaan di antara sekolah-sekolah di kawasan bandar dengan sekolah-sekolah di kawasan pedalaman. Apakah nisbahnya dan punca utama yang menyebabkan jurang yang ketara itu yang terdapat di Sarawak.
6. PN-1251-L14356  
**Tuan Lee Cheam Choon** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan masalah banjir kilat yang sering berlaku di sekitar kawasan bandar telah menjadi satu masalah yang perlu dihadapi oleh kebanyakan penghuni bandar. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kementerian untuk mengatasi masalah ini.
7. PN-1251-L14019  
**Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim** minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan usaha-usaha Kementerian untuk menambah minat membaca di kalangan rakyat bagi mempertingkatkan keperluan pasaran bahan ilmiah sedangkan harga buku di Malaysia mengalami harga pasaran yang lebih tinggi jika dibandingkan dengan negara jiran seperti Indonesia.
8. PN-1251-L14402  
**Puan Chew Lee Giok** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan perbandingan perkhidmatan kesihatan awam yang disediakan oleh Kerajaan di Malaysia berbanding dengan negara-negara ASEAN yang lain.
9. PN-1251-L14194  
**Dr. S. Ramakrishnan** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah kebaikan dan manfaat pembinaan kilang pemprosesan nadir bumi dan adakah kebaikannya lebih banyak berbanding dengan keburukannya yang kita semua sedia maklum.
10. PN-1251-L14001  
**Puan Hajah Rohani binti Abdullah** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang mewujudkan pondok polis di setiap tanah rancangan FELDA dan nyatakan nisbah bilangan anggota polis berbanding jumlah penduduk di tanah rancangan FELDA serta nyatakan langkah-langkah Kerajaan bagi membendung kegiatan jenayah yang semakin meningkat di kawasan tanah rancangan FELDA masa kini.
11. PN-1251-L14169  
**Puan Norliza binti Abdul Rahim** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah rasionalnya Bank Negara Malaysia mengarahkan supaya institusi perbankan mengurangkan fokus pemberian pinjaman persendirian (kad kredit, sewa beli, pinjaman perumahan) tetapi memberi fokus yang lebih kepada pinjaman korporat.

12. PN-1251-L14452

**Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bentuk tindakan dan perancangan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dan Jabatan Kerja Raya Malaysia dalam mengenal pasti jumlah "hotspot" lebuh raya dan jalan raya yang mempunyai risiko fizikal keadaan lebuh raya/jalan raya yang menimbulkan risiko mala petaka kemalangan jalan raya.

13. PN-1251-L13958

**Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan langkah-langkah Kementerian menangani isu kecenderungan pelajar di IPTA dan IPTS untuk mengambil jurusan Sastera dibandingkan jurusan Sains yang bakal memberi impak negatif kepada permintaan dan penawaran pekerjaan dalam kedua-dua bidang kelak.

14. PN-1251-L14102

**Dato' Nalla K. S.** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan sama ada Kementerian mempunyai program latihan keusahawanan untuk usahawan-usahawan luar bandar khususnya para belia India yang sedang menganggur bagi menggalakkan mereka berdikari sebagai usahawan berdasarkan pertanian, dan kalau ada, berapakah jumlah peserta kaum India yang berminat dan mengambil bahagian di dalam program tersebut.

15. PN-1251-L14120

**Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop** minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan apakah pencapaian Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) dari aspek program keusahawanan, latihan kemahiran dan pinjaman dalam usaha memajukan komuniti tani meningkatkan taraf hidup.

16. PN-1251-L14388

**Datuk Paul Kong Sing Chu** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan tahap keselamatan untuk sesebuah tapak pembangunan. Kes yang berlaku di Jalan Ampang, iaitu kren terjatuh dari tingkat 35 sebuah bangunan telah memusnahkan 3 buah kenderaan, walaupun tiada mangsa yang tercedera dalam kejadian ini, namun keselamatan awam harus diutamakan.

17. PN-1251-L14050

**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan bilangan penterjemah tempatan dan luar negara yang aktif dan jumlah bayaran royalti penterjemahan buku bahasa asing ilmiah dan bukan ilmiah ke Bahasa Kebangsaan dan jumlah pengunjung untuk semua pesta buku dan perpustakaan yang terdapat dalam negara sejak tahun 2008 dan sejauh manakah ia menjayakan kempen membaca di kalangan rakyat.

18. PN-1251-L14599  
**Dato' Dr. Yeow Chai Thiam** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan bagaimanakah Kementerian membantu rakyat mengurangkan beban kos sara hidup yang meningkat melalui Program Menu Rakyat 1Malaysia (MR1M).
19. PN-1251-L14474  
**Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan berapakah jumlah bantuan dan geran yang telah diberikan kepada Persatuan Belia India bagi tempoh 2011 hingga kini dan nyatakan bilangan Persatuan Belia India yang telah menerima bantuan dan geran ini mengikut program yang dicadangkan.
20. PN-1251-L14065  
**Dato' Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff** minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan senarai tangki septik komunal di seluruh Pulau Pinang dan apakah tindakan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara terhadap tangki septik komunal yang tidak lagi diuruskan oleh IWK.
21. PN-1251-L14183  
**Dr. S. Ramakrishnan** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah hasil siasatan tentang pengaliran wang haram ke luar negara sebanyak RM1 trillion sejak tahun 2000 hingga 2010, seperti yang dilaporkan oleh Global Financial Integrity (GFI) pada bulan Disember 2011 yang lalu. Bagaimanakah wang haram yang begitu besar jumlahnya boleh mengalir keluar dari Malaysia tanpa dapat dikesan oleh Bank Negara Malaysia.
22. PN-1251-L14729  
**Dato' Dr. Johari bin Mat** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan jumlah rakyat Malaysia yang terlibat dengan isu lesbian, biseksual dan transgender yang semakin berleluasa dan apakah langkah-langkah yang telah diambil bagi menangani masalah ini yang ternyata memberi ancaman kepada agama, bangsa dan budaya masyarakat Malaysia.
23. PN-1251-L14598  
**Tuan Mohamad Ezam bin Mohd Nor** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sikap dan tindakan Kerajaan terhadap ikrar integriti pilihan raya (*election integrity pledge*) yang dilancarkan oleh Transparency International Malaysia (TIM) baru-baru ini dan sekiranya ada, apakah langkah-langkah Kerajaan memperteguh inisiatif ini.
24. PN-1251-L13909  
**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan tentang status hutan simpanan rizab Melayu di Kelantan yang dilaporkan telah berkurangan dan hampir 60 hektar telah ditukar milik tanpa pengetahuan. Apakah usaha-usaha Kerajaan untuk membendung masalah penerokaan hutan berlebihan dan tidak mengikut garis panduan EIA berlaku di negeri-negeri yang diperintah oleh pembangkang seperti Kelantan dan Kedah.

25. PN-1251-L14109  
**Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada pelepasan cuti bersalin selama 90 hari dilaksanakan di semua jabatan Kerajaan dan sejauh manakah kebenaran bahawa beberapa jabatan Kerajaan tidak dapat memenuhi kelayakan ini disebabkan oleh kekurangan tenaga kerja, seperti yang dilaporkan di dalam beberapa akhbar.
26. PN-1251-L14680  
**Dato' Muhammad Olian b Abdullah** minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan apakah Dasar Transformasi Luar Bandar yang digariskan dalam membantu masyarakat Orang Asli khasnya serta setakat mana pelaksanaan dan pencapaianya.
27. PN-1251-L14385  
**Puan Chew Lee Giok** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa kes bunuh diri mengikut pecahan kaum dari tahun 2005-2011.
28. PN-1251-L13948  
**Datuk Chin Su Phin** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan berapa banyak syarikat swasta yang terdiri dari syarikat tempatan dan luar negara yang telah bekerjasama dengan IPTA dan IPTS di seluruh Malaysia dalam menjalankan kajian bersama mengenai pelbagai bidang sehingga tahun 2011 dan apakah inisiatif yang diberikan oleh Kerajaan kepada syarikat swasta yang menjalankan kerjasama tersebut.
29. PN-1251-L14243  
**Datuk Maijol bin Mahap** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Kerajaan berpuas hati dengan pengalaman Urus Tadbir (*Corporate Governance*) di Malaysia pada masa ini, dan kalau tidak, apakah lagi langkah-langkah yang ingin diambil oleh Kerajaan untuk memperbaiki pengalaman urus tadbir ini.
30. PN-1251-L14267  
**Datuk Maijol bin Mahap** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kenapakah Kementerian mengarahkan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) di Sabah untuk mengadakan pendaftaran selama satu bulan pada bulan Mac 2012 di Semporna walaupun Kementerian, JPN dan orang ramai tahu bahawa 40,000 orang yang ingin didaftarkan itu adalah bukan orang tempatan di Sabah, dan berapakah jumlah orang yang didaftarkan dan diterima sebagai warganegara Malaysia di dalam sesi pendaftaran tersebut.
31. PN-1251-L14440  
**Tuan Subramaniam a/l Veruthasalam** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan inisiatif-inisiatif yang telah dilaksanakan untuk menangani gejala kenaikan harga barang keperluan harian di negara ini serta peratus kejayaan pelaksanaannya.

32. PN-1251-L14365

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan sejauh manakah IPTA telah mengambil langkah susulan daripada pernyataan YAB. Timbalan Perdana Menteri dan kemudian YB. Menteri Pengajian Tinggi dalam bulan Oktober 2011 tentang Pelan Transformasi Pengajian Tinggi yang antara lain menegaskan pelaksanaan penggunaan Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu, baik sebagai bahasa penghantar dalam perkuliahan mahupun dalam penulisan karya ilmiah dalam Bahasa Melayu oleh tenaga akademik IPTA, dan sejauh manakah dasar memberikan merit yang sewajarnya kepada penulisan ilmiah dalam Bahasa Melayu telah ditetap dan dilaksanakan oleh IPTA.

33. PN-1251-L14276

**Puan Hajah Noriah binti Mahat** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah statistik remaja terutamanya perempuan diculik dan melarikan diri sepanjang 2005 hingga Mac tahun ini dan apakah sebab ianya semakin berleluasa sejak akhir-akhir ini.

34. PN-1251-L14286

**Puan Hajah Noriah binti Mahat** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah makanan tambahan dan ubat-ubatan yang diharangkan di bawah pemantauan Kementerian pada tahun 2011 dan sehingga Mac 2012.

35. PN-1251-L14555

**Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan:-

- (a) kadar buta huruf terkini di Malaysia memandangkan pada 11 Januari 2012 ada laporan menyebut bahawa 8 peratus daripada 6,667 orang pelatih PLKN adalah buta huruf; dan
- (b) langkah-langkah yang akan diambil untuk mengurangkan kadar buta huruf.

36. PN-1251-L14700

**Tuan Saiful Izham bin Ramli** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sampai bilakah negara akan terus bergantung kepada industri petroleum serta aktiviti-aktiviti berkaitan yang dijana oleh industri petroleum negara sedangkan rizab petroleum negara semakin menyusut serta tidakkah Kerajaan mengambil iktibar dari kebergantungan yang keterlaluan negara terhadap industri bijih timah dan getah lebih 40 tahun lalu.

37. PN-1251-L14145

**Dr. Syed Husin Ali** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan senarai pengecualian bayaran tol yang diberikan kepada kenderaan berkepentingan umum.

38. PN-1251-L13899  
**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan tentang usaha membanteras penyeludupan manusia dan pendaftaran pekerja asing atau PATI melalui sistem biometrik sejak tahun 2009 hingga 2011. Apakah usaha terkini yang dilaksanakan Kerajaan untuk membendung masalah penyeludupan manusia.
39. PN-1251-L14128  
**Tuan Haji Ahamat @ Ahamed bin Yusop** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah usaha-usaha terkini yang dilakukan bagi mengatasi masalah hakisan di Tanjung Piai dan pesisir pantai di Batu Pahat dan Pontian.
40. PN-1251-L14505  
**Dato' Jaspal Singh** minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan status dana "Market Validation Fund". Berapakah syarikat-syarikat yang telah berjaya mendapat dana ini dan bagaimanakah dana ini telah menolong mereka membawa keluar produk ke pasaran.
41. PN-1251-L14719  
**Dato' Dr. Johari bin Mat** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan penjelasan terhadap pelaksanaan PR1MA yang diberi peruntukan yang besar dalam belanjawan tahunan baru-baru ini dan sejauh manakah rakyat mendapat manfaat daripada projek tersebut.
42. PN-1251-L14545  
**Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah pendirian Kerajaan terhadap Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) yang telah melantik pensyarah-pensyarah yang memiliki Ijazah Sarjana dan PhD daripada universiti-universiti yang diragukan (*dubious*) dan tidak diiktiraf oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).
43. PN-1251-L14204  
**Dato' Azian bin Osman** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sejauh manakah kejayaan PDRM dalam menangani jenayah rogol, bunuh, serta rompakan yang kerap dilaporkan di media massa kebelakangan ini.
44. PN-1251-L14226  
**Tuan Pau Chiong Ung** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan berapakah jumlah subsidi minyak petrol yang diperuntukkan oleh Kementerian bagi setiap negeri dan berapakah jumlah yang diperuntukkan bagi pengguna di Sabah dan Sarawak untuk tahun 2011 dan 2012.
45. PN-1251-L14422  
**Tuan Subramaniam a/l Veruthasalam** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bagaimana syarikat penerbangan MAS boleh mengalami kerugian RM1.28 bilion bagi suku tahun keempat, memandangkan suku tersebut adalah masa kemuncak dalam industri penerbangan dunia.

46. PN-1251-L14572  
**Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan usaha-usaha untuk menyediakan premis yang lebih luas dan selesa untuk Jabatan Imigresen Malaysia di Seremban yang sekarang ini sempit dan penuh sesak. Adakah prestasi perkhidmatan Jabatan tersebut mencapai KPI dan apakah rungutan yang sering ditimbulkan oleh pelanggan.
47. PN-1251-L14575  
**Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kementerian terus berhasrat dan mampu menanggung subsidi tambahan untuk bahan petrol sekiranya harga minyak mentah terus meningkat di pasaran dunia.
48. PN-1251-L14642  
**Dato' Boon Som a/l Inong** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berikutan pengumuman Perdana Menteri di Pendang, Kedah pada 25 Februari 2012 lalu mengenai kedudukan masyarakat Siam diiktiraf sebagai Bumiputera, adakah mereka berpeluang untuk menikmati kemudahan pinjaman pendidikan dan perniagaan yang disediakan oleh Majlis Amanah Rakyat (MARA) sama seperti masyarakat Bumiputera lain di negara ini.
49. PN-1251-L14002  
**Puan Hajah Rohani binti Abdullah** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan bilangan taska yang telah diwujudkan di setiap kompleks jabatan Kerajaan dan swasta bagi memudahkan ibu-ibu mengawasi anak-anak kecil mereka serta mengurangkan bebanan untuk mengambil pengasuh dan pembantu rumah.
50. PN-1251-L14526  
**Tuan Khoo Soo Seang** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan pendirian Kerajaan terhadap kanak-kanak tanpa kerakyatan (*stateless children*) dan bagaimana Kerajaan boleh mengiktiraf hak asasi kanak-kanak ini seperti mana yang dijamin di bawah Konvensyen Hak Asasi Kanak-kanak Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (*United Nation Convention on the Rights of the Child*).
51. PN-1251-L14343  
**Tuan Lee Cheam Choon** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan bagaimana Kementerian boleh menyokong serta mempermudahkan urusan badan-badan dan pertubuhan belia yang mempunyai potensi untuk memperkasakan sifat kepimpinan golongan belia di negara ini.
52. PN-1251-L13931  
**Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah penghidap penyakit tibi di seluruh negara sepanjang tahun 2010 dan 2011 mengikut negeri, bangsa dan jantina. Dan sejauh manakah perkembangan cadangan kaedah 'Rawatan Pemerhatian Terus' (DOT) yang telah dilaksanakan.

53. PN-1251-L14583

**Dato' Dr. Yeow Chai Thiam** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha-usaha Kerajaan untuk menubuhkan Skim Rondaan Sukarela (SRS) bagi membantu mengurangkan kadar jenayah di kawasan perumahan penduduk.

54. PN-1251-L14260

**Datuk Haji Saat bin Haji Abu** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

(a) adakah Kementerian bercadang supaya peminjam yang membuat pinjaman atau penjamin yang menjamin peminjam antara RM10,000 hingga RM100,000 dan telah sepuluh tahun yang tidak mampu membayar pinjaman, diberi pengampunan oleh bank-bank dan agensi-agensi peminjam agar nama-nama mereka dikeluarkan dari senarai hitam dan pinjaman yang telah diselesaikan oleh peminjam hendaklah dibersihkan dari senarai hitam dengan kadar segera; dan

(b) berapakah jumlah mereka yang telah disenaraikan hitam mengikut pecahan kaum, yang telah melebihi 10 tahun.

55. PN-1251-L13920

**Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tindakan yang telah diambil berkenaan aduan Persatuan Pengguna Islam (PPIM) dan Dewan Perniagaan Melayu Malaysia terhadap Lembaga Tabung Haji mengenai penyelewengan tender projek teknologi maklumat.

56. PN-1251-L14168

**Datuk Chiw Tiang Chai** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah-langkah PDRM dalam meletakkan sasaran sifar salah laku integriti dan rasuah dalam usaha meningkatkan kredibiliti dan profesionalisme pegawai dan anggotanya dalam usaha memberi perkhidmatan terbaik kepada masyarakat.

57. PN-1251-L14653

**Dato' Boon Som a/l Inong** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian bagi membendung penyebaran amalan seks songsang dalam kalangan rakyat negara ini kerana mengikut kenyataan seorang kaunselor berdaftar bahawa berdasarkan kajiannya, tiga daripada 10 lelaki di negara ini didapati adalah gay serta ancaman gerakan mempromosi gejala seks songsang atas nama hak lesbian, gay, biseksual dan transgender (LGBT) di negara ini.

58. PN-1251-L14075

**Dato' Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk memberikan geran tambahan untuk Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) bagi membolehkan mereka beroperasi di setiap negeri di Malaysia.

59. PN-1251-L14040  
**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan rasional menangguhkan pilihan raya kampus dan mewujudkan "care taker" kabinet selama 5 bulan di semua IPTA dan sejauh manakah Kementerian berjaya menggalakkan pendidikan politik untuk diserapkan dengan cara efektif kepada penuntut IPTA dan IPTS.
60. PN-1251-L14330  
**Dato' Syed Ibrahim bin Kader** minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan sejak kebelakangan ini media sosial memainkan peranan penting dalam penyebaran maklumat. Akan tetapi ada sesetengah portal berita *online* seperti MALAYSIA KINI yang memberi laporan berat sebelah serta komen-komen pembaca yang bersifat menghina, mencaci serta memburukkan pemimpin negara. Apakah langkah-langkah telah diambil oleh Kementerian bagi memastikan pihak portal berita *online* ini menyiarkan berita yang telus, amanah dan beradab.
61. PN-1251-L14426  
**Datuk Paul Kong Sing Chu** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pada tahun 1982, mantan Perdana Menteri, Tun Mahathir Mohamed telah memulakan Dasar Pandang Ke Timur yang bertujuan untuk menggalakkan rakyat Malaysia untuk belajar apa-apa yang ditawarkan oleh Jepun supaya Malaysia dapat menjadi setanding Jepun. Apakah yang telah dicapai melalui dasar ini setelah 30 tahun dan berbilion Ringgit dibelanjakan untuk menghantar ribuan pelajar Malaysia ke Jepun untuk belajar di bawah dasar ini.
62. PN-1251-L14312  
**Tuan Chiew Lian Keng** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Program Pemutihan yang telah berlangsung selama lebih daripada 6 bulan akan dipanjangkan lagi memandangkan hanya 330 ribu pekerja asing yang berjaya diputihkan dan 110 ribu dihantar pulang ke negara asal.
63. PN-1251-L14301  
**Dato' Syed Ibrahim bin Kader** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan masyarakat India Muslim berkhidmat di sektor Kerajaan adalah berjumlah 3006 orang atau bersamaan dengan 0.45 peratus daripada jumlah populasi masyarakat India Muslim di negara ini. Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk menambahkan jumlah ini.

**ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL**

1. **Usul dibuat oleh Yang Berhormat Tuan Khoo Soo Seang dan masalah dicadangkan:-**

“ Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:-

“ Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Seri Paduka Baginda semasa membuka Penggal Kelima, Parlimen Yang Kedua Belas.”

**Menyambung semula perbahasan atas masalah (26 April, 2012)**

2. (D.R. 3/2012)	Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2011) 2012	<b>Bacaan Kali Yang Kedua</b>
<b>[ Kementerian Kewangan ]</b>		
3. (D.R. 44/2011)	Rang Undang-undang Pembayaran dan Adjudikasi Industri Pembinaan 2011	“
<b>[ Kementerian Kerja Raya ]</b>		
4. (D.R. 1/2012)	Rang Undang-undang Pengantaraan 2012	“
<b>[ Menteri di Jabatan Perdana Menteri ]</b>		
5. (D.R. 2/2012)	Rang Undang-undang Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia 2012	“
<b>[ Menteri Pengangkutan ]</b>		
6. (D.R. 6/2012)	Rang Undang-undang Laporan Kewangan (Pindaan) 2012	“
<b>[ Kementerian Kewangan ]</b>		
7. (D.R. 5/2012)	Rang Undang-undang Syarikat Labuan (Pindaan) 2012	“
<b>[ Kementerian Kewangan ]</b>		

8.	(D.R. 7/2012)	Rang Undang-undang Cukai Pendapatan (Pindaan) 2012	<b>Bacaan Kali Yang Kedua</b>
<b>[ Kementerian Kewangan ]</b>			
9.	(D.R. 15/2012)	Rang Undang-undang Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) (Pindaan) 2012	"
<b>[ Menteri di Jabatan Perdana Menteri ]</b>			
10.	(D.R. 18/2012)	Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2012	"
<b>[ Menteri di Jabatan Perdana Menteri ]</b>			
11.	(D.R. 17/2012)	Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) (No.2) 2012	"
<b>[ Menteri di Jabatan Perdana Menteri ]</b>			
12.	(D.R. 16/2012)	Rang Undang-undang Keterangan (Pindaan) (No.2) 2012	"
<b>[ Menteri di Jabatan Perdana Menteri ]</b>			
13.	(D.R. 13/2012)	Rang Undang-undang Laut Wilayah (Pindaan) 2012	"
<b>[ Menteri di Jabatan Perdana Menteri ]</b>			
14.	(D.R. 20/2012)	Rang Undang-undang Rukun Tetangga 2012	"
<b>[ Menteri di Jabatan Perdana Menteri ]</b>			
15.	(D.R. 21/2012)	Rang Undang-undang Pasukan Sukarelawan Malaysia 2012	"
<b>[Kementerian Dalam Negeri ]</b>			
16.	(D.R. 4/2012)	Rang Undang-undang Kesalahan Pilihan Raya (Pindaan) 2012	"
<b>[ Menteri di Jabatan Perdana Menteri ]</b>			
17.	(D.R. 11/2012)	Rang Undang-undang Jasa Perkasa Persekutuan (Elaun Kenangan) 2012	"
<b>[ Menteri di Jabatan Perdana Menteri ]</b>			

- |   |  |                               |
|---|--|-------------------------------|
| 18. (D.R. 12/2012)  | Rang Undang-undang Pingat Tentera Udara (Elaun Kenangan) 2012                | <b>Bacaan Kali Yang Kedua</b> |
| <b>[ Menteri di Jabatan Perdana Menteri ]</b>   |  |                               |
| 19. (D.R. 8/2012)   | Rang Undang-undang Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 2012            | “                             |
| <b>[ Kementerian Pengajian Tinggi ]</b>   |  |                               |
| 20. (D.R. 9/2012)   | Rang Undang-undang Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (Pindaan) 2012         | “                             |
| <b>[ Kementerian Pengajian Tinggi ]</b>   |  |                               |
| 21. (D.R. 10/2012)  | Rang Undang-undang Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) (Pindaan) 2012 | “                             |
| <b>[ Kementerian Pengajian Tinggi ]</b>   |  |                               |
| 22. (D.R. 14/2012)  | Rang Undang-undang Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Pindaan) 2012             | “                             |
| <b>[ Kementerian Kewangan ]</b>   |  |                               |
| 23. (D.R. 23/2012)  | Rang Undang-undang Mesin Cetak dan Penerbitan (Pindaan) 2012                 | “                             |
| <b>[ Kementerian Dalam Negeri ]</b>   |  |                               |
| <p><b>24. PN-1251-U13929</b><br/> <b>Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar</b> akan mencadangkan:-</p> <p>"Bahawa Dewan ini mengambil maklum tentang kecekapan sistem pengangkutan awam yang merupakan sebahagian daripada kelestarian dan keharmonian mana-mana sempadan di dunia. Kecekapan berkenaan perlu diwujudkan selari dengan pertambahan penduduk yang begitu cepat. Ini menyebabkan bandaraya-bandaraya besar termasuk Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Johor Bahru dan lain-lain sentiasa dilanda kesesakan lalu lintas yang mendesak. Kadangkala, untuk sampai ke destinasi yang berada di sekitar 5km sahaja akan mengambil masa yang agak lama. Ini merugikan masa, tenaga, minyak petrol dan keharmonian di kalangan pengguna pengangkutan awam. Dewan juga sedia maklum bahawa kereta persendirian juga masih banyak digunakan biarpun berlaku penurunan tetapi ternyata masih tinggi iaitu 34% (1985) turun kepada 20% (1997) dan 10-12% (2008). Namun, penurunan penggunaan kereta persendirian akibat sistem pengangkutan awam yang telah ditambah baik melalui pengenalan pengangkutan rel transit seperti Komuter, LRT, STAR dan bas rapid yang semakin banyak (tersusun) bukan bermakna rakyat berpuas hati dengan apa yang terhidang di hadapan mata mereka.</p> |  |                               |

Justeru, Dewan ini diseru supaya pihak Kerajaan mempercepatkan transformasi terhadap sistem pengangkutan darat selari dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Darat (SPAD). Kerajaan juga diseru untuk mengurangkan kesesakan di kawasan-kawasan perniagaan; mempertingkatkan jumlah bas berhenti-henti di samping monorel yang lebih teratur dengan pelaksanaan piawaian perkhidmatan yang lebih canggih dan bersistematik. Kerajaan juga perlu mengambil kira projek-projek infrastruktur yang memungkinkan integrasi stesen dan kemudahan-kemudahan "park and ride" yang lebih lestari dan teratur seperti yang sedang dilakukan di Putrajaya."

**(Menteri Di Jabatan Perdana Menteri)**

25. PN-1251-U13942

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini sedia maklum tentang Kerajaan Indonesia yang telah bermain tarik tali di dalam isu pembantu rumah (amah). Ketika mengadakan perbincangan di antara Kerajaan, kedua-dua pihak telah bersetuju untuk menyelesaikan masalah ini sebaik mungkin. Namun, secara tiba-tiba pula, Kerajaan Indonesia mengumumkan untuk menghantar rakyat mereka yang terlatih sebagai amah untuk bekerja di dalam satu bidang kerja sahaja dengan gaji RM700 sebulan. Bayangkan apa akan jadi kepada keluarga yang bekerja yang tidak tentu masa, sudah tentu merumitkan mereka untuk membersih pakaian, menyediakan makan minum untuk keluarga dan untuk membersih/mengemas rumah. Kita faham bahawa pembantu rumah atau amah diperlukan untuk membantu keluarga menjaga anak-anak mereka yang bekerja/keluar mencari rezeki. Dewan ini juga sedia maklum bahawa prestasi kerja dan kedamaian keluarga juga berlaku akibat suasana rumah tangga yang harmoni. Sekiranya keadaan hiruk pikuk di rumah dengan keadaan persekitaran di dalam rumah yang lintang pukang; anak-anak yang terbiar; makanan yang tidak terurus, sudah tentu hasil kerja dan produktiviti seseorang itu akan terganggu. Maka, Dewan ini, disaran supaya Kementerian Sumber Manusia (KSM) membuka ruang kepada pengusaha-pengusaha latihan untuk memberikan perkhidmatan dan latihan kepada anak-anak muda tempatan untuk berkhidmat sebagai amah secara sistematik. Jika perlu, satu kurikulum berkaitan yang dikenali Aloss perlu digubal dan disebar-luas kepada pengusaha yang berminat. Satu tempoh masa perlu diberi perhatian oleh Kerajaan bagi memastikan anak-anak kita dijaga oleh pekerja tempatan yang lebih memahami budaya dan cara hidup serta agama yang dianuti di Malaysia. Selain itu, di masa sama, ianya menjimatkan Kerajaan dari segi pengaliran wang keluar negara yang berjumlah lebih RM5 bilion setahun. Ianya juga untuk mengurangkan masalah gejala sosial dan salah laku yang berlaku ke atas keluarga dan amah yang bekerja di negara kita."

**(Menteri Sumber Manusia)**

26. PN-1251-U13943

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini, Ketua Pembangkang Datuk Seri Anwar Ibrahim yang juga Ahli Parlimen Permatang Pauh banyak melakukan perkara-perkara yang bertentangan dengan dasar luar Malaysia. Antara yang begitu ketara apabila beliau secara terang-terangan tanpa segan silu menyokong supaya semua negara memelihara keselamatan/keamanan Israel. Sedangkan beliau tahu Israel adalah negara haram. Israel adalah negara "atas angin" sahaja tanpa berpaksi kesahihan undang-undang antarabangsa. Namun, Anwar telah menegaskan dalam The Wall Street Journal bahawa negara itu perlu diperlihara. Ini bermakna Anwar telah menggadai prinsip demokrasi, menguris perasaan orang-orang Islam bahawa negara yang sah iaitu Palestin; merobek persefahaman negara-negara Islam yang lain terhadap Malaysia kerana Anwar dikenali atas perjuangannya dulu di dalam ABIM (yang akhir-akhir ini jauh terpesong) dan semangat musyawarah di kalangan negara-negara Islam yang menyokong Palestin. Justeru, Dewan ini didesak untuk mengambil satu tindakan terhadap kes-kes seperti yang dilontar oleh Anwar dengan mengadakan peraturan ke atas sesuatu komen atau pandangan bersandarkan sensitiviti negara-negara yang mahu diberi komen dengan mengambil kira fahaman agama dan geopolitik setempat. Maka Kerajaan diminta menyediakan garis panduan atau peraturan ke atas kebebasan mengeluarkan pendapat tanpa menidakkann fakta dan dasar luar negara Malaysia. Ini penting bagi memastikan kedaulatan negara kita tidak tercemar oleh sepatah perkataan yang sengaja dihemburkan demi untuk suatu bentuk simpati politik peribadi yang akhirnya merosakkan imej Malaysia di mata dunia."

**(Menteri Luar Negeri)**

27. PN-1251-U14222

**Dr. S. Ramakrishnan** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak agar pihak kerajaan mengubal Undang-undang Kebebasan Maklumat bagi membolehkan rakyat Malaysia menikmati hak untuk mendapatkan maklumat selaras dengan kehendak prinsip-prinsip demokrasi. Hak rakyat untuk mendapatkan maklumat adalah penting bagi membolehkan rakyat untuk memeriksa dan membendung penyalahgunaan kuasa oleh kakitangan Kerajaan dalam hal-hal pentadbiran Kerajaan terutamanya keputusan-keputusan Kerajaan yang mempunyai implikasi secara langsung dan tidak langsung terhadap rakyat jelata. Oleh itu saya mengambil kesempatan melalui mesyuarat Dewan Negara ini untuk menampilkkan usul pengubalan undang-undang bagi tujuan membolehkan rakyat Malaysia untuk mengambil bahagian dalam pentadbiran dan hal-hal Kerajaan terutamanya dalam proses membuat keputusan-keputusan sejarah dengan prinsip demokrasi (participatory democracy) dan kepentingan awam (public interest). Rakyat Malaysia mengalu-alu satu Kerajaan yang telus dan bertanggung jawab maka pengubalan undang-undang ini adalah mustahak. Undang-undang ini akan membenarkan akses kepada dokumen-dokumen sesebuah agensi Kerajaan dan dokumen-dokumen rasmi Kementerian Kerajaan.

Maka disarankan supaya Kerajaan mengambil serius pengubalan undang-undang ini dan memgambil segala langkah-langkah untuk merealisasikan undang-undang ini di Malaysia yang mana undang-undang begini telahpun diperkenalkan di negara-negara KOMANWEL yang lain. "

**(Menteri di Jabatan Perdana Menteri)**

28. PN-1251-U14225

**Dr. S. Ramakrishnan** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak agar pihak Kerajaan prihatin dan memandang serius terhadap penyalahgunaan minuman alkohol dan minuman keras di kalangan masyarakat kita, terutama di kalangan remaja bermula dari usia 16 tahun amat membimbangkan dan ia akan membawa padah kepada masa depan negara kita jika kita tidak mengambil tindakan yang sewajarnya secepat mungkin. Oleh itu, saya mengambil kesempatan melalui mesyuarat Dewan Negara ini untuk menampilkkan usul pengubalan undang-undang untuk menangani penyalahgunaan alkohol dan minuman keras di kalangan masyarakat kita dengan mengambil langkah-langkah berikut:-

- (i) Mengubah dan meningkatkan umur seseorang untuk membeli minuman keras dan alkohol secara sah dari segi undang-undang dari 18 tahun ke 21 tahun. Hukuman berat dan denda yang maksimum juga harus dikenakan terhadap sesiapa sahaja yang di bawah umur 21 tahun jika mereka didapati membeli minuman alkohol dan minuman keras.
- (ii) Memperkenalkan sistem lesen baru yang mengawal waktu penjualan alkohol dan minuman keras. Contohnya seperti mengehadkan waktu penjualan dari 11.00 pagi sehingga pukul 9.00 malam.
- (iii) Mempunyai undang-undang untuk menangani masalah-masalah pengambilan minuman-minuman keras dan alkohol di tempat awam dan menjadikan pengambilan minuman ini di tempat awam sebagai satu jenayah di mana boleh ditangkap dan didakwa di bawah kanun undang-undang.
- (iv) Memperketatkan lagi kanun undang-undang yang mengawal penjualan alkohol dan minuman keras oleh peniaga-peniaga kepada remaja dan juga pelajar-pelajar di bawah umur. Contohnya, apabila mana-mana peniaga menjual alkohol dan minuman keras kepada pelajar-pelajar dan remaja di bawah umur, lesen kedai peniaga itu haruslah ditarik dan dibatalkan dan mengenakan denda yang maksimum terhadap peniaga tersebut.
- (v) Memperkenalkan undang-undang baru untuk pendaftaran dan mengawal penjualan minuman-minuman keras buatan tempatan. Contohnya seperti samsu dan ia mendapat sambutan baik di kalangan masyarakat berpendapatan rendah, terutamanya di kalangan masyarakat India yang tinggal di estate, kerana harga minuman ini adalah sangat murah dan mudah didapati di kawasan pedalaman secara haram.

- (vi) Menubuhkan satu pusat pencegahan, penyelidikan, dan pemulihian alkohol Malaysia seperti di Amerika Syarikat dan Australia untuk mengadakan penyelidikan dari semasa ke semasa."

**(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)**